



**IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN  
DI JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA**



Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan-jawatan kosong yang tersebut di bawah ini:-

**Ruj. Fail : JPA(T)173/13/144 Jld. 16 (43)**

1. (a) Jawatan : **Pengawal Keselamatan**
- (b) Kod Skim : 5776
- (c) Jabatan : Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
- (d) Kumpulan Perkhidmatan : Sokongan
- (e) Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Keselamatan Dan Pertahanan Awam
  
2. Jadual Gaji : **Gred** **Jadual Gaji Matriks**
  - Gred KP11** : P1T1 RM740.62 – P1T21 RM1714.26  
P2T1 RM783.09 – P2T21 RM1802.40  
P3T1 RM827.19 – P3T21 RM1892.17
  
  - Gred KP14** : P1T1 RM1394.02 – P1T10 RM2004.93  
P2T1 RM1506.73 – P2T10 RM2212.42
  
3. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

**A. LANTIKAN TERUS**

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
- (ii) bekas Konstabel Polis Diraja Malaysia atau Prebet Angkatan Tentera Malaysia yang telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan;
- (d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
  - (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
  - (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
  - (iii) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm dan semasa menarik nafas 84sm (lelaki sahaja);

(iv) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata: dan

(v) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat.

dan (e) calon yang memiliki kelayakan di perenggan A(c)(i) hendaklah lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

## **B. KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Am Pejabat adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pengawal Keselamatan Gred KP11, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan;

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan A(c) di atas; atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

4. Taraf Jawatan : Tetap.
5. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Pengawal Keselamatan adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
6. Fungsi Bidang Tugas : Bertanggungjawab melakukan pemeriksaan ke atas kenderaan yang keluar masuk untuk urusan di JPA. Bertanggungjawab kepada Pegawai Keselamatan di JPA. Membuat rondaan keselamatan harian, mengemas kini kehadiran pegawai bertugas di tempat yang ditetapkan, mematuhi arahan dari jadual yang disediakan, menjalankan pemeriksaan mengejut dan siasatan bagi menentukan bahawa langkah keselamatan dipatuhi dan dilaksanakan. Menyediakan laporan keselamatan (kehilangan, kerosakan, kecurian, pencerobohan). Membantu pegawai keselamatan menguatkuasakan undang-undang dan peraturan keselamatan. Lain-lain tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

**Ruj. Fail : JPA(T)173/13/144 Jld. 16 (44)**

1. (a) Jawatan : **Pemandu Kenderaan**  
(b) Kod Skim : 6700  
(c) Jabatan : Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
(d) Kumpulan Perkhidmatan : Sokongan  
(e) Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Mahir/Separuh Mahir/Tidak Mahir

2. Jadual Gaji : **Gred** **Jadual Gaji Matriks**

**Gred R3** : P1T1 RM701.42 – P1T17 RM1354.86  
P2T1 RM743.89 – P2T17 RM1423.41  
P3T1 RM787.99 – P3T17 RM1493.59

**Gred R6** : P1T1 RM868.04 – P1T15 RM1439.80  
P2T1 RM954.61 – P2T15 RM1572.01

3. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

**A. LANTIKAN TERUS**

- (a) warganegara Malaysia;  
(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;  
(c) (i) tamat Darjah 6 sekolah rendah bantuan penuh kerajaan;  
(ii) memiliki lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I berkenaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)];  
(iii) berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan bermotor berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.

Gaji permulaan ialah pada Gred R3:

- Lesen D P1T3
- Lesen E/E1/E2 P1T4
- Lesen F/H P1T5
- Lesen G/I P1T6

- dan (d) berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan baik.

## **B. KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pekerja Awam, adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pemandu Kenderaan Gred R3, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) mempunyai kelayakan di perenggan A(c)(ii) dan (iii) di atas; dan
- (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

- 4. Taraf Jawatan : Tetap.
- 5. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Pemandu Kenderaan adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
- 6. Fungsi Bidang Tugas : Bertanggungjawab memeriksa dan memastikan kenderaan dalam keadaan bersih serta baik, memandu kenderaan dalam keadaan selamat, mencatatkan pergerakan kenderaan ke dalam buku log dan melaporkan sebarang kerosakan/kemalangan kepada pegawai penjaga. Lain-lain tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

**Ruj. Fail : JPA(T) 173/13/144 Jld. 16 (45)**

- 1 (a) Jawatan : **Pekerja Awam Khas**  
(b) Kod Skim : 6680  
(c) Jabatan : Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
(d) Kumpulan Perkhidmatan : Sokongan  
(e) Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Mahir/Separuh Mahir/Tidak Mahir

2. Jadual Gaji : **Gred** **Jadual Gaji Matriks**

**Gred R3** : P1T1 RM701.42 – P1T17 RM1354.86  
P2T1 RM743.89 – P2T17 RM1423.41  
P3T1 RM787.99 – P3T17 RM1493.59

**Gred R6** : P1T1 RM868.04 – P1T15 RM1439.80  
P2T1 RM954.61 – P2T15 RM1572.01

3. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

**A. LANTIKAN TERUS**

- (a) warganegara Malaysia;  
(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;  
(c) (i) tamat Darjah 6 sekolah rendah bantuan penuh kerajaan; dan  
(ii) berkebolehan menjalankan bidang kerja berkaitan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.  
(Gaji permulaan ialah Gred R3:P1T2);  
dan (d) berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan baik.

**B. KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pekerja Awam dalam bidang berkaitan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pekerja Awam Khas Gred R3, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) berkebolehan menjalankan bidang kerja seperti di perenggan A(c)(ii) di atas; dan  
(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

4. Taraf Jawatan : Tetap.

5. Penaklukan Di Bawah Syarat – syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Pekerja Awam Khas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
6. Fungsi Bidang Tugas : Menerima laporan kerosakan kecil di bangunan pejabat dan menjalankan kerja pembaikan kecil mengikut keperluan, melaporkan kerosakan dan lain-lain kerja pembaikan yang perlu dilaksanakan serta mendapatkan barang-barang ganti yang perlu di dalam keadaan baik dan mencukupi. Lain-lain tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.



## IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN DI JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

### Jawatan Yang Diiklankan

- (i) Pengawal Keselamatan Gred KP11
- (ii) Pemandu Kenderaan Gred R3
- (iii) Pekerja Awam Khas Gred R3
- (iv) Pembantu Am Pejabat Gred N1

### Cara Memohon

- (i) Hanya permohonan **online** sahaja akan diterima. Permohonan boleh dibuat melalui laman web <http://www.jobsmalaysia.gov.my>.
- (ii) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- (iii) Calon dikehendaki membawa dokumen asal dan salinan yang telah disahkan serta gambar berukuran passport semasa temuduga.
- (iv) Segala kos berkaitan dengan permohonan dan temuduga jawatan tersebut adalah tanggungjawab calon.
- (v) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup permohonan dianggap tidak berjaya.
- (vi) Tarikh tutup permohonan: **15 Mac 2010.**